



**APPGM-SDG**  
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020

# Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

**Zon Selatan**

**P.149 Sri Gading**

Laporan Disediakan Oleh:  
Dr. Teo Lee Ken



# Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.149 Sri Gading

Disediakan oleh:  
Dr. Teo Lee Ken

## KATA ALUAN

I

## KATA PENGANTAR

III

## PENGENALAN

V

### BAHAGIAN A

#### LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU

2 – 13

### BAHAGIAN B

#### 1.0 PENGENALAN

17 – 20

1.1 Geografi/Topografi

17

1.2 Komposisi Penduduk

18

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

18

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan  
Konteks Tempatan

19

#### 2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

21 – 24

2.1 Pendekatan Kajian

21

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

23

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

23

2.4 Keterbatasan Kajian

23

#### 3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

25 – 30

#### 4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

31 – 72

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

31

4.2 Pengutamaan Isu

60

#### 5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

72 – 75

#### 6.0 RUJUKAN

76



# P.149 SRI GADING

# KATA ALUAN

---

**YB SENATOR TUAN ISAIAH D. JACOB**  
*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;  
Ahli Dewan Negara*



Salam sejahtera,

Syukur dan terima kasih atas usaha semua pihak kerana dengan kerjasama yang diberikan, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi Jilid Zon Selatan Tahun 2025 dapat diluncurkan. Sebagai wakil Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya senang hati melihat bagaimana inisiatif ini mampu menonjolkan kekuatan unik kawasan zon selatan. Zon selatan bukan sahaja dikenali dengan kedudukan strategiknya sebagai pintu masuk antarabangsa, tetapi juga kepelbagaian ekonomi yang meliputi sektor industri, pelabuhan, pertanian, perikanan, pelancongan, serta warisan budaya dan sejarah yang tidak ternilai. Namun, kepesatan pembangunan ini turut membawa cabaran besar yang memerlukan usaha untuk menyeimbangkan antara pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan moden.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini memperlihatkan pendekatan yang mendalam melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli Parlimen, masyarakat setempat, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO. Laporan yang dihasilkan bukan sahaja mencatatkan isu-isu utama di kawasan zon selatan, tetapi juga memuatkan cadangan program dan amalan terbaik yang dapat dijadikan panduan bersama bagi memacu pembangunan yang manusiawi. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat untuk semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana, dalam memastikan tiada komuniti di zon selatan yang ketinggalan, termasuk golongan OKU. Kejayaan bagi mencapai SDG memerlukan semangat kebersamaan, kesungguhan untuk mendengar suara rakyat, dan tindakan kolektif demi kesejahteraan masyarakat pada hari ini dan masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, komuniti-komuniti, semua Ahli Parlimen yang terlibat, pemimpin tempatan serta pihak berwajib khususnya agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah yang telah menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Semoga usaha ini terus menjadi asas kukuh dalam membina Malaysia yang adil dan saksama untuk semua golongan dan komuniti masyarakat tidak kira latar belakang, etnik, agama, upaya dan lokasi geografi.

Sekian, terima kasih.

**YB Senator Isaiah a/l D. Jacob**

*Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG*

*Senator Dewan Negara*

# KATA PENGANTAR

---

**JAMES RYAN RAJ**

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,  
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

| JILID              | ZON/WILAYAH      | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|--------------------|------------------|-------------------------|------------|
| Jilid 1            | Zon Utara        | 9                       | 5          |
| Jilid 2            | Zon Pantai Timur | 4                       | 2          |
| Jilid 3            | Zon Tengah       | 3                       | 3          |
| Jilid 4            | Zon Selatan      | 6                       | 4          |
| Jilid 5            | Wilayah Sabah    | 4                       | 2          |
| Jilid 6            | Wilayah Sarawak  | 2                       | 2          |
| JUMLAH KESELURUHAN |                  | 28                      |            |

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Mohd Yasin, Tariq Ziad Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Kezia Sim Kui Ting atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENGENALAN


---

**DR. WAN SUZITA WAN IBRAHIM**  
*Ketua Zon Selatan, APPGM-SDG*



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkuat gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

## **PEMETAAN ISU DI ZON SELATAN**

Secara umumnya, zon selatan merupakan kawasan yang merangkumi antara bandar dan luar bandar yang kaya dengan sumber tenaga manusia dan alam semula jadi. Daripada aspek demografi, zon selatan mempunyai komposisi penduduk yang berbilang kaum dengan majoriti komuniti etnik Melayu, diikuti etnik Cina dan etnik India. Kadar urbanisasi adalah tinggi di parlimen-parlimen Pulai dan Batu Pahat, manakala Segamat, Sri Gading, Jempol dan Jasin masih mengekalkan ciri separa bandar dan luar bandar yang mempunyai kawasan pesisir pantai dan pedalaman. Contohnya Batu Pahat dan Pulai yang mempunyai sektor perindustrian dan perdagangan. Selain itu, Segamat dan Jempol merupakan kawasan tanah tinggi, berhutan dan sesuai untuk pertanian serta perhutanan. Manakala, Jasin adalah dataran rendah, dan aktiviti utama adalah pertanian intensif seperti sawah padi dan dusun. Kedudukan strategik zon selatan merentasi negeri-negeri Johor-Melaka-Negeri Sembilan menjadikan kawasan dan laluan ini koridor ekonomi dan hub perhubungan pengangkutan di Selatan. Namun begitu, jurang pembangunan antara kawasan lebih perbandaran (Pulai dan Batu Pahat) dan luar bandar (Segamat, Sri Gading, Jempol, Jasin) masih wujud. Kewujudan golongan B40 masih ketara di kawasan pertanian dan pedalaman, kerana masih bergantung kepada pekerjaan tidak formal dan sektor pertanian.

Daripada aspek pola isu rentas komuniti yang utama, adalah permasalahan Pusat Dalam Komuniti (PDK) yang dibangkitkan di parlimen-parlimen Segamat, Jasin, Batu Pahat, Sri Gading dan Pulai. Walaupun parlimen ini berbeza lokasi dan negeri, namun hasil kajian mendapati PDK di kawasan-kawasan ini berkongsi isu dan cabaran yang sama yang dihadapi seperti status jawatan masih bersifat sukarelawan, dana tidak mencukupi, infrastruktur bangunan yang tidak memuaskan, peningkatan pelajar OKU PPKI kembali ke PDK dan perubahan garis panduan PDK. Keadaan ini berlaku kerana status PDK yang bertaraf persatuan dan bukan di bawah tanggungjawab kerajaan sepenuhnya. Selain itu, permasalahan berkaitan pembangunan belia turut dibangkitkan merentasi jumlah kawasan parlimen adalah paling ketara pada tahun 2025. Cabaran komuniti belia di Pulai, Sri Gading, Batu Pahat, Jempol, Segamat, dan Jasin ini berlaku, kerana pembangunan pendidikan kemahiran belia masih rendah, terdapat penggunaan alat peranti yang berleluasa dan tahap penguasaan pendidikan yang masih rendah. Keadaan ini memberi kesan berlakunya kekurangan tenaga kerja tempatan, kemerosotan aktiviti komuniti, penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar dan peningkatan kes tingkah laku anti-

sosial dan peminggiran sosial seperti penagihan dadah, penggunaan vape, dan kes ponteng sekolah.

Di samping itu, Zon Selatan turut menghadapi masalah fenomena banjir dan pengurusan sistem saliran dan perparitan. Contohnya Sg. Suloh, Kg Sg Suloh, Low Piak, Taman Nira Batu Pahat (Parlimen Batu Pahat), Kampung Seberang Batu Badak (Parlimen Segamat), Sri Lanchang (Jasin), Parit Yaani dan Parit Raja (Parlimen Sri Gading) yang menyebabkan limpahan air memasuki kawasan kediaman. Ini berpunca daripada kelompok faktor termasuk sistem paip yang sudah lama dan rosak, hujan berterusan, kawasan tanah rendah serta beralun dan pembangunan yang tidak terkawal. Pelbagai inisiatif seperti pembinaan kolam takungan, projek tebatan banjir, dan sistem perparitan moden telah dilaksanakan. Namun, penambahbaikan daripada segi aspek penguatkuasaan, kesedaran masyarakat dan penyelenggaraan berterusan masih perlu diperkukuhkan. Selain itu, isu-isu lain yang berbangkit adalah cabaran ekonomi yang dihadapi nelayan serta sektor pertanian dan ternakan, keperluan pembangunan infrastruktur, dan kesukaran untuk akses perkhidmatan dan sokongan kebajikan sosial kerajaan.

Secara keseluruhannya, zon selatan berdepan cabaran meliputi dimensi sosial, ekonomi dan alam sekitar yang melibatkan bukan sekadar masalah berbentuk kemudahan fizikal tetapi juga jurang pembangunan dan ekonomi. Justeru itu, penglibatan semua pihak melalui kerjasama antara pihak kerajaan, NGO, komuniti dan sektor swasta penting bagi menjayakan keseimbangan pembangunan secara menyeluruh di peringkat akar umbi dan daerah.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN               | KOD  | AHLI PARLIMEN                              | PARTI      | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                       | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------------------|------|--------------------------------------------|------------|-------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1    | Tengah          | Sabak Bernam           | P092 | YB Tuan Kalam bin Salan                    | PN-BERSATU | Pejabat Daerah<br>& Tanah (PDT)<br>Sabak Bernam | Nur Syadhira<br>Mohd Razali      |
| 2    | Tengah          | Hulu Selangor          | P094 | YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin<br>Harun    | PN-PAS     | PDT Hulu<br>Selangor                            | Nuha Mysara<br>Mohd Hisam        |
| 3    | Tengah          | Seputeh                | P121 | YB Puan Teresa Kok Suh Sim                 | PH-DAP     | Dewan<br>Bandaraya Kuala<br>Lumpur (DBKL)       | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 4    | Utara           | Padang Terap           | P007 | YB Tuan Nurul Amin bin Hamid               | PN-PAS     | PDT Padang<br>Terap                             | Nurul Syaza<br>Mazelan           |
| 5    | Utara           | Kuala Kedah            | P010 | YB Dr. Ahmad Fakhruddin                    | PN-PAS     | PDT Kota Setar                                  | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 6    | Utara           | Balik Pulau            | P053 | YB Dato' Muhammad Bakhtiar<br>bin Wan Chik | PH-PKR     | PDT Barat Daya                                  | Siti Noraiysah<br>Rohim          |
| 7    | Utara           | Larut                  | P059 | YB Dato' Seri Hamzah bin<br>Zainudin       | PN-BERSATU | PDT Selama                                      | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 8    | Utara           | Kulim-Bandar<br>Baharu | P018 | YB Tuan Roslan bin Hashim                  | PN-BERSATU | PDT Kulim & PDT<br>Bandar Baharu                | Dr. Thanaraj<br>Murudi           |
| 9    | Utara           | Padang Rengas          | P060 | YB Kapten Azahari bin Hasan                | PN-BERSATU | PDT Kuala<br>Kangsar                            | Dr. Teo Lee Ken                  |
| 10   | Utara           | Gopeng                 | P064 | YB Tuan Tan Kar Hing                       | PH-PKR     | PDT Kampar                                      | Lydia Ann Anak<br>Bill           |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN    | KOD  | AHLI PARLIMEN                                  | PARTI      | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                   | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|-------------|------|------------------------------------------------|------------|---------------------------------------------|----------------------------------|
| 11   | Utara           | Lumut       | P073 | YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail        | PN-BERSATU | PDT Manjung                                 | Dr. Thanaraj Murudi              |
| 12   | Utara           | Teluk Intan | P076 | YB Tuan Nga Kor Ming                           | PH-DAP     | PDT Hilir Perak                             | Nurul Syaza Mazelan              |
| 13   | Selatan         | Jempol      | P126 | Dato' Haji Shamsulhakar Bin Haji Mohd Deli     | BN-UMNO    | PDT Jempol                                  | Tariq Ziad bin Abdul Razak       |
| 14   | Selatan         | Jasin       | P139 | YB Tuan Zulkifli bin Ismail                    | PN-PAS     | PDT Jasin                                   | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 15   | Selatan         | Segamat     | P140 | YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj                 | PH-PKR     | PDT Segamat                                 | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 16   | Selatan         | Sri Gading  | P149 | YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan             | PH-AMANAH  | PDT Batu Pahat                              | Dr. Teo Lee Ken                  |
| 17   | Selatan         | Batu Pahat  | P150 | YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar                 | PH-PKR     | PDT Batu Pahat                              | Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim       |
| 18   | Selatan         | Pulai       | P161 | YB Tuan Suhaizan bin Kaiat                     | PH-AMANAH  | Pejabat Daerah<br>Johor Bahru               | Siti Noraiysah Rohim             |
| 19   | Timur           | Maran       | P089 | YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib | PN-PAS     | PDT Maran                                   | Siti Noraiysah Rohim             |
| 20   | Timur           | Kota Bharu  | P020 | YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan            | PN-PAS     | Pejabat Tanah &<br>Jajahan (PTJ) Kota Bharu | Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin      |
| 21   | Timur           | Pasir Puteh | P023 | YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh    | PN-PAS     | PTJ Pasir Puteh                             | Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin      |

| BIL. | ZON/<br>WILAYAH | PARLIMEN   | KOD  | AHLI PARLIMEN                                     | PARTI   | KERJASAMA<br>PENYELARASAN                                                    | KETUA<br>PENYELIDIK<br>APPGM-SDG |
|------|-----------------|------------|------|---------------------------------------------------|---------|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 22   | Timur           | Besut      | P033 | YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh           | PN-PAS  | PDT Besut                                                                    | Siti Noraiysah Rohim             |
| 23   | Sabah           | Tuaran     | P170 | YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau          | PH-UPKO | Pejabat Daerah Tuaran                                                        | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 24   | Sabah           | Putatan    | P173 | YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya                  | BN-UMNO | Pejabat Daerah Putatan                                                       | Mc Jeanet Lempisik @ Marx        |
| 25   | Sabah           | Semporna   | P189 | YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal | WARISAN | Pejabat Daerah Semporna                                                      | Fatimah Binti Mohd Yasin         |
| 26   | Sabah           | Labuan     | P166 | Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman             | BEBAS   | Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)                                       | Fatimah Binti Mohd Yasin         |
| 27   | Sarawak         | Stampin    | P196 | YB Tuan Chong Chieng Jen                          | PH-DAP  | Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS) | Dr. Eva Kristin Larry Sait       |
| 28   | Sarawak         | Lubok Antu | P203 | YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi                    | GPS-PRS | Pejabat Daerah Lubok Antu                                                    | Raine Melissa Riman              |

## **SEKALUNG PERGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

# **BAHAGIAN A**

**Laporan Lawatan Pemetaan Isu**  
P.149 Sri Gading

# DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN SRI GADING, YB TUAN HAJI AMINOLHUDA HASSAN



## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

23 Feb - 25 Feb 2025  
(Ahad - Selasa)

### HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Ibu Tunggal PITKM Bahagian Sri Gading
2. Lawatan Tapak 1: Kawasan Banjir, Sri Gading
3. FGD 2: Komuniti Penternak Ikan Kolam, Kampung Parit Belebarn
4. FGD 3: Komuniti Cina Sri Gading

### HARI 3

9. FGD 6: PDK Parit Yaani & PDK Parit Raja
10. FGD 7: Komuniti FELCRA Sri Wangi

### HARI 2

5. FGD 4 dan lawatan tapak 2: Peniaga Pasar Lambak dan Kompleks Niaga Parit Raja
6. Perbincangan Mendalam Bersama Pengusaha Pisang Salai
7. FGD 5: AADK dan belia Sri Gading
8. Lawatan Tapak 3: Kawasan Banjir, Kampung Baru Sri Gading


## **PASUKAN PENYELIDIK**



**DR. TEO LEE KEN**  
(Ketua Penyelidik)



**DR. WAN SUZITA  
WAN IBRAHIM**



**NURUL SYAHIRAH  
ABD AZIZ**



**KEZIA SIM KUI TING**

# LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 23-25 FEBRUARI 2025 (AHAD - SELASA)

01



**12 Disember 2024**  
Mesyuarat Awal

02



**07 Februari 2025**  
Perbincangan dan Pemakluman  
Gerak Kerja dan *Site Visit*

03



**23 Januari 2025**  
FGD 1: Komuniti Ibu Tunggal PITKM Bahagian  
Sri Gading

06



**23 Januari 2025**  
FGD 3: Komuniti Cina Sri Gading

05



**23 Januari 2025**  
FGD 2: Komuniti Penternak Ikan Kolam,  
Kampung Parit Belebam

04



**23 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 1: Kawasan Banjir,  
Sri Gading

07



**24 Januari 2025**  
FGD 4 dan Lawatan Tapak 2: Peniaga Pasar  
Lambak & Kompleks Niaga Parit Raja

08



**24 Januari 2025**  
Perbincangan Mendalam Bersama  
Pengusaha Pisang Salai

09



**24 Januari 2025**  
FGD 5: AADK dan Belia Sri Gading

12



**25 Januari 2025**  
FGD 7: Komuniti FELCRA Sri Wangi

11



**25 Januari 2025**  
FGD 6: PDK Parit Yaani & PDK Parit Raja

10



**24 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 3: Kawasan Banjir,  
Kampung Baru Sri Gading



### 12 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat permulaan bersama YB Tuan Haji Aminolhuda, Ahli Parlimen Sri Gading, Johor, telah diadakan di Bangunan Parlimen dengan penglibatan wakil daripada APPGM-SDG, Dr. Wan Suzita, Dr. Teo Lee Ken, dan Nurul Syaza Mazelan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan pemetaan isu dan penglokalan SDG di kawasan Parlimen Sri Gading. Hasil perbincangan, tarikh lawatan lapangan telah dicadangkan pada 22 hingga 24 Februari 2025. Perbincangan ini menegaskan komitmen dan sokongan YB Tuan Haji Aminolhuda terhadap usaha penglibatan komuniti dan pembangunan mampan melalui pendekatan berasaskan bukti di kawasan Parlimen Sri Gading.



### 7 FEBRUARI 2025 - PERBINCANGAN DAN PEMAKLUMAN GERAK KERJA DAN SITE VISIT

Perbincangan dan pemakluman gerak kerja dan kajian pemetaan isu APPGM-SDG bagi parlimen Sri Gading ditetapkan pada 22 hingga 24 Februari 2025. Perbincangan ini dipengerusi oleh KADO pembangunan, Puan Puteri Abdul Rahaman dan turut dihadiri oleh SU, ADO, penghulu-penghulu dan wakil parlimen Sri gading dan Batu Pahat. Hasil perbincangan ini, wakil pejabat Daerah Batu Pahat ahli mesyuarat memberi sokongan dan mengucapkan terima kasih kepada APPGM-SDG atas inisiatif program ini di daerah Batu Pahat. Manakala, pihak APPGM-SDG diwakili oleh Dr Wan Suzita, Zoel Ng, Balqis Osman, dan Karuppiyah Palaniandy.



### FGD 1 : IBU TUNGGAL PITKM BAHAGIAN SRI GADING

Sesi FGD 1 ini melibatkan golongan golongan ibu tunggal daripada Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM) Bahagian Sri Gading yang diadakan di Dewan Aminolhuda, Parit Yaani. Isu yang telah dibangkitkan ialah: **(1)** isu pengangkutan, di mana ketiadaan bas awam di kawasan tempatan menyukarkan pergerakan penduduk; **(2)** isu pendapatan, di mana kebanyakan ibu tunggal di Parit Yaani tidak mempunyai pendapatan stabil dan hanya bergantung kepada perniagaan kecil-kecilan seperti menjahit dan menjual kuih-muih; **(3)** sikap pihak berkuasa yang kurang responsif terhadap isu penduduk kampung; **(4)** kekurangan pengetahuan tentang program dan insentif bantuan kerajaan; **(5)** isu perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang memerlukan masa lama dan jauh untuk mendapatkan rawatan; dan **(6)** pengetahuan teknologi digital terhad yang menyebabkan kesukaran dalam membuat permohonan bantuan kerajaan secara atas talian.



### LAWATAN TAPAK 1: KAWASAN BANJIR, SRI GADING

Lawatan Tapak 1 di Sri Gading mendapati beberapa isu berkaitan kawasan banjir, antaranya: **(1)** pertumbuhan mendadak teratai dan rumput lain akibat pembajaan kelapa sawit yang menghalang kelancaran pergerakan air di parit; **(2)** bentuk muka bumi yang beralun menyebabkan air bertakung dan menyukarkan penyelenggaraan sistem perparitan; **(3)** pengaliran air dari Bukit Bangkar/Bindu membawa pasir yang meningkatkan ketinggian dasar parit di beberapa kawasan; dan **(4)** penyelesaian sedia ada, iaitu pembersihan parit menggunakan kren, menghakis tebing parit dan membesarkan saiznya. Sehubungan itu, wakil Parlimen mencadangkan pembinaan tebing konkrit atau alternatif lain yang lebih murah berbanding pembinaan *u-drain*.



### FGD 2 : KOMUNITI PENTERNAK IKAN KOLAM, KAMPUNG PARIT BELEMBAM

Sesi FGD 2 di Kampung Parit Belebam melibatkan komuniti penternak ikan, dengan beberapa isu berbangkit: **(1)** pengurusan penternakan ikan yang menghadapi cabaran kos bulanan yang tinggi; **(2)** kemahiran penternakan ikan dalam kalangan ahli komuniti yang masih perlu dipertingkatkan; **(3)** kelemahan dalam pemasaran produk perniagaan yang memerlukan latihan dan bimbingan lanjut; **(4)** ancaman binatang liar seperti gangguan monyet yang menjejaskan kemudahan penternakan; dan **(5)** isu komitmen dalam kalangan komuniti akibat kekangan masa serta tanggungjawab masing-masing.



### FGD 3: KOMUNITI CINA SRI GADING

Sesi FGD 3 di Dewan Serbaguna Taman Maju melibatkan Komuniti Cina, dengan beberapa isu berbangkit: **(1)** jalan raya yang sempit serta kewujudan warung di tepi jalan menyebabkan kesesakan lalu lintas; **(2)** banjir kilat akibat sistem perparitan yang tidak sesuai; **(3)** kos sara hidup yang tinggi membebankan penduduk; **(4)** ramai belia berhijrah keluar kerana peluang pekerjaan terhad dan gaji yang tidak memuaskan; **(5)** kurangnya pemantauan serta penyelenggaraan rumah pangsa di Jalan Tan Swee Hoe oleh pihak berkuasa dan JMB; **(6)** kemudahan padang di Taman Maju yang tidak diselenggara dengan baik; dan **(7)** persaingan peluang pekerjaan antara penduduk tempatan dan pekerja asing akibat peningkatan jumlah tenaga kerja asing.



#### FGD 4 DAN LAWATAN TAPAK 2: PENIAGA PASAR LAMBAK DAN KOMPLEKS NIAGA PARIT RAJA

Sesi FGD 4 melibatkan komuniti peniaga di Parit Raja, Sri Gading, dengan kehadiran wakil daripada Pasar Lambak Parit Raja dan Kompleks Niaga Parit Raja, serta wakil Parlimen Sri Gading. Isu yang dibangkitkan termasuk: **(1)** pelanggan semakin berkurang kerana peniaga perlu bersaing dengan pasar raya besar yang semakin banyak dibina di kawasan sekeliling; **(2)** golongan muda kurang berminat untuk ke pasar dan lebih memilih pasar raya serta pusat beli-belah; **(3)** kompleks niaga tidak menyediakan kemudahan yang selesa untuk peniaga dan pelanggan; **(4)** masalah pengurusan premis di mana penyewa asal menyewakan premis kepada pihak luar tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Batu Pahat; dan **(5)** premis yang tidak dibuka oleh penyewa memburukkan pemandangan kompleks dan menjejaskan daya tarikan pelanggan.



#### PERBINCANGAN MENDALAM BERSAMA PENGUSAHA PISANG SALAI

Perbincangan mendalam bersama En. Rosni (pengusaha pisang salai), isteri dan anak bongsu En. Rosni, dan wakil-wakil ahli parlimen mengenai perniagaan pisang salai di Parit Raja telah mengenal pasti beberapa isu utama. Antara isu yang dibangkitkan ialah: **(1)** ketiadaan waris untuk mewarisi ilmu membuat pisang salai, menyebabkan kebimbangan mengenai kelangsungan perniagaan; **(2)** keperluan mendesak untuk tempat pengasapan baharu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran; **(3)** kekurangan tenaga kerja, di mana hanya suami dan isteri yang terlibat dalam keseluruhan proses pembuatan; dan **(4)** kadangkala stok pisang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan, yang boleh menjejaskan kelangsungan perniagaan.



### FGD 5: AADK DAN BELIA SRI GADING

Sesi FGD 5 bersama AADK dan belia Sri Gading telah membincangkan beberapa isu utama, antaranya: **(1)** faktor kemiskinan yang mendorong kepada isu sosial negatif dalam kalangan belia; **(2)** perilaku anti sosial dan penyisihan sosial, termasuk masalah penagihan dadah dalam kalangan belia di Batu Pahat; **(3)** kesukaran mendapatkan penglibatan aktif belia dalam program yang dianjurkan; **(4)** kekangan kos dan kemudahan yang membatasi pelaksanaan program belia; serta **(5)** keperluan untuk pendekatan baharu dalam memilih aktiviti yang lebih sesuai dengan minat belia setempat.



### LAWATAN TAPAK 3: KAWASAN BANJIR, KAMPUNG BARU SRI GADING

Lawatan Tapak 3 di Kampung Baru Sri Gading bertujuan meninjau keadaan kawasan yang sering dilanda banjir. Antara dapatan utama ialah: **(1)** banjir berpunca daripada pembangunan tanpa perancangan jangka panjang serta pembinaan kawasan perumahan di sekeliling yang membentuk kontur muka bumi lebih tinggi; **(2)** sistem saliran yang tidak mesra alam serta perubahan iklim menyebabkan limpahan air dari kawasan tinggi ke kawasan rendah yang tidak mampu menampung aliran air; **(3)** keperluan untuk penyelesaian jangka panjang selain sekadar pembersihan parit; dan **(4)** cadangan pembinaan tembok parit lebih tinggi serta penerokaan pendekatan lain seperti kajian alam dan teknologi untuk menangani isu banjir di Sri Gading.



### FGD 6: PDK PARIT YAANI DAN PDK PARIT RAJA

Sesi FGD 6 di PDK Parit Yaani pada 25 Februari 2025 melibatkan 19 orang termasuk ibu kepada anak kurang upaya yang juga bertindak sebagai sukarelawan, petugas dan dua penyelia daripada PDK Parit Raja dan Parit Yaani. Antara isu yang dibangkitkan ialah: **(1)** kekurangan tenaga pengajar; **(2)** kebajikan pekerja PDK yang tidak terjaga, termasuk ketiadaan pampasan jika berlaku kecederaan serta elaun yang tidak mencukupi; **(3)** peruntukan geran JKM yang tidak mencukupi, menyebabkan pengajar, ibu bapa, dan AJK perlu menanggung sendiri kos aktiviti; **(4)** sijil kemahiran yang tidak menjamin kenaikan gaji; **(5)** pengajar terpaksa menggunakan wang sendiri untuk menyertai kursus latihan; **(6)** ketiadaan tapak kekal bagi bangunan PDK Parit Raja yang gunakan ruang dan tanah pejabat daerah yang menyukarkan proses baik pulih; dan **(7)** lebihan dana tahunan yang dibekukan, menghalang pekerja PDK daripada menggunakannya bagi aktiviti lain.



### FGD 7: KOMUNITI FELCRA SRI WANGI

Sesi FGD 7 di Balai Raya FELCRA Berhad Sri Wangi pada 25 Februari 2025 melibatkan 17 peserta daripada kalangan persatuan wanita, belia, dan Pengerusi JPKK. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** kekangan teknologi, termasuk capaian internet yang perlahan dan kesukaran pekerja berumur dalam menggunakan sistem atas talian; **(2)** stok ubat-ubatan di Klinik Parit Yaani yang mahal dan terhad; **(3)** peniaga kecil terbeban dengan program Jualan Rahmah kerana mereka tidak mampu menjual barangan dengan harga rendah disebabkan kos operasi lain; **(4)** ancaman binatang liar seperti monyet dan kera yang mencuri hasil tani dan mengancam masyarakat FELCRA; **(5)** permohonan peruntukan belia FELCRA yang tidak diluluskan oleh KBS, menyebabkan mereka hanya bergantung kepada FELCRA Wilayah; dan **(6)** ketiadaan dana untuk menaik taraf surau kepada masjid FELCRA Sri Wangi yang lebih lengkap daripada segi kemudahan.

# **BAHAGIAN B**

## **Laporan Pemetaan Isu** P.149 Sri Gading

**Senarai Jadual**

|           |                                             |
|-----------|---------------------------------------------|
| Jadual 1  | Pembahagian Etnik di Parlimen Sri Gading    |
| Jadual 2  | Pembahagian Jantina di Parlimen Sri Gading  |
| Jadual 3  | Program Kajian Lapangan Parlimen Sri Gading |
| Jadual 4  | Rangkuman Isu Rentas SDG                    |
| Jadual 5  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1       |
| Jadual 6  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2       |
| Jadual 7  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3       |
| Jadual 8  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4       |
| Jadual 9  | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5       |
| Jadual 10 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6       |
| Jadual 11 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7       |
| Jadual 12 | Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8       |
| Jadual 13 | Ringkasan Isu 1                             |
| Jadual 14 | Ringkasan Isu 2                             |
| Jadual 15 | Ringkasan Isu 3                             |
| Jadual 16 | Pengenalpastian Projek Penyelesaian         |

## Senarai Singkatan

|                  |                                                           |
|------------------|-----------------------------------------------------------|
| <b>AADK</b>      | Agensi Anti-Dadah Kebangsaan                              |
| <b>APPGM-SDG</b> | <i>All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs</i>     |
| <b>ADUN</b>      | Ahli Dewan Undangan Negeri                                |
| <b>AMANAH</b>    | Parti Amanah Negara                                       |
| <b>DUN</b>       | Dewan Undangan Negeri                                     |
| <b>FGD</b>       | <i>Focus Group Discussion</i>                             |
| <b>JKM</b>       | Jabatan Kebajikan Masyarakat                              |
| <b>JMB</b>       | <i>Joint Management Body</i>                              |
| <b>JPS</b>       | Jabatan Pengairan dan Saliran                             |
| <b>KKM</b>       | Kementerian Kesihatan Malaysia                            |
| <b>LHDN</b>      | Lembaga Hasil dalam Negeri                                |
| <b>MPBP</b>      | Majlis Perbandaran Batu Pahat                             |
| <b>MCMC</b>      | <i>Malaysian Communications and Multimedia Commission</i> |
| <b>NADI</b>      | Pusat Sebaran Maklumat Nasional                           |
| <b>PBS</b>       | Pejabat Belia dan Sukan                                   |
| <b>PITKM</b>     | Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia                |
| <b>PDK</b>       | Pusat Pemulihan dalam Komuniti                            |
| <b>PDT</b>       | Pejabat Daerah dan Tanah                                  |
| <b>SDG</b>       | <i>Sustainable Development Goals</i>                      |
| <b>UMNO</b>      | <i>United Malays National Organization</i>                |
| <b>YB</b>        | Yang Berhormat                                            |

## 1.0 PENGENALAN

Parlimen Sri Gading (P.149) merupakan sebuah kawasan parlimen di negeri Johor Darul Takzim, dan diasaskan sebagai kawasan parlimen bermula tahun 1974. Wakil parlimen yang pertama pada 1974 adalah Tun Hussein Onn, yang juga merupakan Perdana Menteri Malaysia yang ketiga (1976-1981). Parlimen ini merangkumi dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, iaitu Parit Yaani (N.21) dan Parit Raja (N.22). Jumlah penduduk keseluruhan di parlimen Sri Gading adalah 175,154 orang, manakala jumlah pengundi adalah 78,602 orang (setakat pilihanraya umum yang ke-15).



**YB Tuan Haji  
Aminolhuda bin  
Hassan**

Ahli Parlimen pada masa kini adalah Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan daripada Parti AMANAH bersama gabungan Pakatan Harapan. Manakala wakil Dewan Undangan Negeri bagi Parit Yaani adalah Yang Berhormat Mohamad Najib Samuri daripada parti UMNO-Barisan Nasional, dan untuk Parit Raja adalah Yang Berhormat Nor Rashidah Ramli, juga daripada Parti UMNO-Barisan Nasional.

### 1.1 Geografi/Topografi

Mengikut sempadan pilihanraya, kawasan Parlimen Sri Gading (P.149) bersempadanan dengan Parlimen Parit Sulong (P.147) dan Ayer Hitam (P. 148) di sebelah utara, Parlimen Batu Pahat di sebelah selatan (P.150), dan Parlimen Simpang Renggam (P.151) di sebelah timur. Dalam konteks pentadbiran, Parlimen Sri Gading terletak di daerah Batu Pahat, yang disempadani daerah Muar, Segamat, Kluang, dan juga Pontian. Keseluruhannya, daerah Batu Pahat merangkumi empat kawasan parlimen persekutuan. Selain parlimen Sri Gading, parlimen-parlimen yang turut di kawasan daerah Batu Pahat adalah Parit Sulong, Ayer Hitam, dan Batu Pahat. Daripada segi kedudukan kawasan Dewan Undangan Negeri, Parit Yaani terletak di sebelah utara, manakala Parit Raja terletak di sebelah selatan Parlimen Sri Gading.

Secara umumnya, kawasan tanah di daerah Batu Pahat diperuntukkan untuk tiga kegunaan utama, dengan kawasan pertanian sebanyak 85.81 peratus, diikuti dengan kawasan tepubina sebanyak 8.21 peratus, dan kawasan rizab hutan dan badan air sebanyak 5.65 peratus. Baki 0.34 peratus daripada jumlah kawasan tanah di daerah Batu Pahat adalah tanah kosong.

Jumlah penduduk di daerah Batu Pahat adalah sebanyak 495,338 orang<sup>1</sup> dan merangkumi sejumlah empat belas mukim. Daripada segi pentadbiran perbandaran dan pihak berkuasa tempatan, daerah Batu Pahat dikawal selia oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng. Daripada jumlah empat belas mukim, sepuluh mukim berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat, manakala empat lagi di bawah Majlis Daerah Yong Peng.

Kawasan parlimen Sri Gading sendiri mempunyai 6 mukim, berserta dengan 4 pekan dan 54 kampung. Daripada segi pengurusan dan pentadbiran pihak berkuasa tempatan, parlimen Sri Gading di bawah kedua-dua Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Majlis Daerah Yong Peng.

## 1.2 Komposisi Penduduk

Jumlah keseluruhan penduduk di parlimen Sri Gading adalah 175,154 orang, dengan kepadatan penduduk sebanyak 584 per kilometer persegi.<sup>2</sup> Kawasan DUN Parit Raja mempunyai 94,504 penduduk, dengan 80,650 penduduk di kawasan DUN Parit Yaani. Daripada jumlah penduduk ini, komuniti etnik Melayu merangkumi 122,783 orang bersamaan 70.1 peratus, diikuti komuniti etnik Cina sejumlah 48,342 orang atau 27.6 peratus, dan komuniti etnik India dengan 3,153 orang bersamaan 1.8 peratus. Baki bilangan 876 penduduk atau 0.5 peratus terdiri daripada penduduk yang berlatar belakang etnik selain daripada tiga etnik Melayu, Cina dan India.

Jadual 1. Pembahagian Etnik di Parlimen Sri Gading

| BIL.               | ETNIK     | BILANGAN | PERATUS (%) |
|--------------------|-----------|----------|-------------|
| 1.                 | Melayu    | 122,783  | 70.1        |
| 2.                 | Cina      | 48,342   | 27.6        |
| 3.                 | India     | 3,153    | 1.8         |
| 4.                 | Lain-lain | 876      | 0.5         |
| JUMLAH KESELURUHAN |           | 175,154  | 100         |

Mengikut pembahagian jantina, sejumlah 94,562 orang atau 54 peratus adalah golongan lelaki, manakala 80,592 orang atau 46 peratus adalah golongan wanita. Daripada segi lingkungan umur, populasi yang berumur dalam lingkungan 0-14 tahun adalah 34,505 orang atau 19.7 peratus, populasi yang dalam lingkungan 15-64 tahun adalah 132,942 orang atau 75.9 peratus, dan mereka yang dalam lingkungan 65 tahun ke atas sejumlah 7707 orang atau 4.4 peratus.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Perangkaan, 2022; MyCensus 2020, DOSM, diakses 7 Jun, 2025

<sup>2</sup> Jabatan Perangkaan, 2022; MyCensus 2020, DOSM, diakses, 7 Jun 2025

<sup>3</sup> Jabatan Perangkaan, 2022

Jadual 2: Pembahagian Jantina di Parlimen Sri Gading

| BIL.               | JANTINA | BILANGAN | % BIL |
|--------------------|---------|----------|-------|
| 1.                 | Lelaki  | 94,562   | 54    |
| 2.                 | Wanita  | 80592    | 46    |
| JUMLAH KESELURUHAN |         | 175,154  | 100   |

Manakala daripada segi bilangan pengundi, setakat tahun 2022 jumlah pengundi berdaftar adalah 78,602 orang.<sup>4</sup> Daripada jumlah ini, 64.7 peratus adalah pengundi etnik Melayu, 33.9 peratus adalah pengundi etnik Cina, dan 1.3 peratus adalah pengundi etnik India. Sejumlah 0.2 peratus daripada pengundi keseluruhan di parlimen Sri Gading adalah daripada pengundi daripada etnik selain etnik-etnik Melayu, Cina dan India.<sup>5</sup>

### 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Terdapat beberapa kegiatan ekonomi utama dikenalpasti berdasarkan amatan tapak dan merujuk kepada sumber sekunder iaitu:

- **Pertanian**

Antara kegiatan ekonomi yang utama di Parlimen Sri Gading adalah sektor pertanian. Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat 2030 , seluas 168,731.34 hektar atau 85.81 peratus daripada jumlah keluasan guna tanah di daerah Batu Pahat diperuntukkan untuk aktiviti pertanian. Hal ini menunjukkan sektor pertanian menjadi antara penjana ekonomi utama di Sri Gading.

Catatan Jabatan Perangkaan Malaysia setakat 2022, menunjukkan bahawa 103 pertubuhan atau syarikat perniagaan terlibat dalam industri pertanian, perhutanan atau perikanan. Daripada jumlah 103 ini, sebanyak 73 berkecimpung dalam bidang tanaman, 20 lagi dalam bidang ternakan, dan 6 dan 4 masing-masing terlibat dalam bidang perikanan dan perhutanan dan pembalakan.<sup>6</sup>

- **Perindustrian**

Selain sektor pertanian, kegiatan utama yang lain di Sri Gading adalah industri kecil dan sederhana, dan juga sektor perniagaan kecil. Ini dapat dihuraikan daripada laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, serta dilihat daripada pemerhatian pasukan pengkaji di lapangan. Sejumlah 1,595 pertubuhan atau syarikat perniagaan yang terlibat dalam perdagangan borong dan runcit, dan juga pembaikan kenderaan sama ada bermotor atau motosikal. Sejumlah 130 entiti aktif dalam bidang kedai runcit, 82 dalam penyelenggaraan dan pembaikan

<sup>4</sup> GE15 Results, *The Star*

<sup>5</sup> 15th General Election Malaysia, *The Oriental Daily*

<sup>6</sup> Jabatan Perangkaan, 2022

kenderaan bermotor, 23 yang berkaitan dengan kategori motosikal, dan 1,360 yang terlibat dengan aktiviti lain di bawah pemborongan dan peruncitan.

Selain itu, terdapat 400 perniagaan yang giat aktif dalam bidang makanan dan minuman, 187 yang merupakan penjaja atau gerai makanan dan minuman, dan 100 yang terlibat dalam bidang atau membuka perniagaan restoran.

Gambaran dan huraian lapangan ekonomi sebegini di Sri Gading menunjukkan bahawa sebilangan besar penduduk Sri Gading bergantung kepada pasaran dan penajaan pendapatan tempatan. Sifat ekonominya adalah kecil-kecilan dan terbatas oleh faktor-faktor seperti hubungan pengangkutan dan jaringan komunikasi, kuasa pembelian, dan penawaran tenaga kerja atau penyediaan modal insan yang separa mahir atau kurang mahir.

#### **1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan**

Dalam perbincangan tentang konteks tempatan kawasan parlimen Sri Gading, antara perkara yang menonjol adalah sifat muka bumi kawasan tanah yang rendah dan rata, dan juga berlandai. Serentakannya, kawasan tanah di seluruh Sri Gading juga dipenuhi dengan aliran dan saluran yang parit yang banyak dan meluas. Ciri-ciri ini menjadikan kawasan Sri Gading mengalami kecenderungan yang tinggi dan terdedah kepada fenomena limpahan air dan banjir. Sejak hampir dua dekad yang lalu, kejadian banjir telah menjadi fenomena yang kekal di Sri Gading. Dan sekitar lima ke lapan tahun yang lepas, banjir telah berlaku dengan kerap dan banyak dilaporkan di media. Antara banjir yang paling teruk berlaku pada 17 September, tahun 2022, di mana aras air mencapai paras pinggang dan telah menjejaskan lebih daripada 224 penduduk.<sup>7</sup>

Ciri landskap tersendiri kawasan Sri Gading, serta kesan perubahan iklim yang semakin kritikal, menonjolkan keperluan untuk memberi perhatian serius kepada kesejahteraan hidup dan keselamatan warga penduduk di Sri Gading. Pendekatan-pendekatan sebelumnya yang digunakan oleh pihak berkuasa dan berkepentingan untuk menangani limpahan air dan kejadian banjir tidak lagi berkesan. Seiring dengan perubahan terbaru yang berlangsung, sama ada yang bersifat iklim dan meteorologi atau perkembangan pembangunan serta pertambahan penduduk, program dan tindakan yang baharu juga diperlukan. Ini bagi mengurangkan risiko kehilangan nyawa dalam kalangan penduduk dan untuk melindungi cara dan taraf kehidupan komuniti-komuniti tempatan, terutamanya mereka yang rentan dan terpinggir.

---

<sup>7</sup> Banjir paling teruk sejak 15 tahun, *Utusan Malaysia*, 17 September 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/banjir-paling-teruk-sejak-15-tahun/>

Di sini, agenda SDG dengan kepelbagaian 17 matlamatnya penting untuk dijadikan satu kerangka bagi meneliti dan mengambil tindakan. Setiap fenomena atau isu mempunyai Terdapat matlamat yang relevan dan dapat diterapkan bagi setiap fenomena atau isu. Di titik pertemuan antara matlamat dan isu, maka kita dapat membentuk hubungan antara konteks dan keperluan tempatan Sri Gading dengan paradigma pembangunan yang lebih luas tetapi pada waktu sama berkesan. Bagi tujuan ini, matlamat atau SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan. Manakala Sasaran yang berkait adalah seperti:

**Sasaran 11.a:** Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara bandar, persisian bandar dan kawasan luar bandar dengan memperkukuh perancangan pembangunan kebangsaan dan serantau.

**Sasaran 11.b:** Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030.

## 2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

### 2.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang sedia ada merangkumi beberapa unsur, seperti contohnya: 1) mesyuarat awalan; 2) mesyuarat untuk pembentukan profil kawasan parlimen; 3) pra-lawatan dan perjumpaan bersama dengan Pegawai Daerah; 4) kajian lapangan pemetaan isu di kawasan parlimen tersebut; dan 5) sesi dialog antara agensi, yang berlangsung di peringkat daerah dan dipengerusikan Pegawai Daerah.

Mesyuarat awalan bersama YB Aminolhuda Hassan dijalankan pada 12hb Disember 2024, di Bangunan Parlimen Malaysia. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberikan penerangan berkenaan proses lokasi SDG dan proses kajian lapangan di Parlimen Sri Gading, serta untuk mendapatkan latar belakang demografi dan sosio-ekonomi, dan isu-isu utama di Sri Gading. Mesyuarat ini dihadiri oleh Dr. Teo Lee Ken, selaku ketua penyelidik bagi Parlimen Sri Gading, Dr. Wan Suzita, dan Nurul Syaza.

Satu mesyuarat pra-lawatan kemudiannya dijalankan dengan wakil-wakil daripada Pejabat Daerah Batu Pahat pada 7 Februari 2025, yang dihadiri Penolong Pegawai Daerah, penghulu-penghulu dan wakil-wakil Parlimen Sri Gading dan Batu Pahat. Pihak APPGM-SDG dan pasukan penyelidik diwakili oleh Dr Wan Suzita, Zoel Ng, Balqis Osman dan Karuppiyah Palaniandy.

Selepas proses mesyuarat awalan, pembentukan profil kawasan parlimen, dan mesyuarat pra-lawatan bersama pihak Pejabat Daerah dijalankan, kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Sri Gading dilaksanakan pada 23 ke 25 Februari 2025. Pasukan penyelidik yang bersama untuk kajian lapangan ini adalah Dr. Teo Lee Ken, Dr Wan Suzita, Kezia Sim dan Nurul Syahirah.

Secara rangkumannya, sebanyak tujuh (7) sesi dialog atau perbincangan kumpulan berfokus (FGD), satu (1) sesi temu bual secara mendalam, dan tiga (3) lawatan tapak dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) hari kajian lapangan tersebut berlangsung. Program yang dibentuk untuk kajian yang dilaksanakan seperti di Jadual 3.

Jadual 3. Program Kajian Lapangan Parlimen Sri Gading

| TARIKH             | PROGRAM/SESI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 23hb Februari 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 1: Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM) Sri Gading</li> <li>Lawatan Tapak 1: Kawasan Banjir, Sri Gading</li> <li>Sesi Dialog 2: Komuniti Penternak Ikan Kolam, Kampung Parit Belemam</li> <li>Sesi Dialog 3: Komuniti Cina, Taman Maju Sri Gading</li> </ul>                                                                                |
| 24hb Februari 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 4: Komuniti Peniaga Pasar Lambak dan Kompleks Niaga Parit Raja</li> <li>Lawatan Tapak 2: Pasar Lambak dan Kompleks Niaga Parit Raja</li> <li>Sesi Dialog 5: Temu Bual Mendalam: Keluarga Pengusaha Pisang Salai</li> <li>Sesi Dialog 6: AADK dan Komuniti Belia Sri Gading</li> <li>Lawatan Tapak 3: Kawasan Banjir, Kampung Baru, Sri Gading</li> </ul> |
| 25hb Februari 2025 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog 7: PDK Parit Yaani dan PDK Parit Raja</li> <li>Sesi Dialog 8: Komuniti FELCRA Sri Wangi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 17hb Jun 2025      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah Batu Pahat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

Yang terakhir, satu dialog antara agensi dijalankan pada 17 Jun 2025. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Mohd Faizuddin Azmi, Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Batu Pahat. Pada sesi mesyuarat ini, hasil dapatan kajian pemetaan isu di Parlimen Sri Gading dibentangkan dan maklum balas daripada pihak agensi-agensi

diperolehi untuk isu-isu yang telah dicatatkan. Bagi pihak APPGM-SDG, Dr Teo Lee Ken, Dr Wan Suzita, dan Serisyakira binti Suparman dan Muhamad Noor Aiman bin Bani telah menyertai sesi perbincangan ini.

## **2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan**

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Sri Gading, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

## **2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan**

Pasukan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Sri Gading menghadapi sekurang-kurangnya dua kekangan. Kekangan yang pertama adalah daripada segi jumlah peserta untuk sesi-sesi FGD. Terdapat sesi FGD di mana bilangan pesertanya tidak menepati kiraan 10 ke 15 orang, atau sekurang-kurangnya 8 orang peserta, seperti mengikut piawaian yang sudah ditetapkan oleh metodologi dan garis panduan pasukan kajian daripada Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen APPGM-SDG. Contohnya seperti dalam FGD bersama komuniti penternak ikan, peserta yang terlibat tidak melebihi 4 orang peserta. Dalam perbincangan bersama fokus kumpulan pengusaha pisang salai, hanya 3 orang peserta yang terlibat, yang merupakan ahli keluarga yang bergiat sama dalam perusahaan pisang salai yang dilawat pasukan kajian. Namun demikian, disebabkan bilangan peserta yang lebih rendah, perbincangan dapat dijalankan dengan lebih mendalam dan kadar interaksi antara pihak pengkaji dan peserta komuniti menjadi lebih responsif dan jitu. Kekurangan dalam bentuk jumlah peserta, dapat diimbangi dengan peluang untuk menjalankan perbincangan dengan lebih berstruktur dan panjang atau lama.

Kekangan kedua bersifat lebih makro dan mengambil bentuk pelaksanaan, iaitu pemahaman penduduk tempatan kepada Matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs, dan juga apa kesan dan perubahan yang dapat dibawa oleh pasukan kajian yang bergerak ke lapangan. Berdasarkan beberapa tempat yang dilawati dan dikaji di Parlimen Sri Gading, terdapat keperluan untuk menjelaskan konsep serta tujuan SDG kepada komuniti dalam bahasa yang mudah difahami adalah menjadi sangat penting.

Yang menjadi lebih signifikan dan mencabar lagi, adalah tindakan komuniti-komuniti tertentu di beberapa sesi FGD yang bertanyakan apa pengaruh APPGM-SDG dan bagaimana APPGM-SDG dapat memastikan bahawa perubahan berlaku atau pembangunan digerakkan dengan lebih cergas lagi. Pihak komuniti-komuniti

menyampaikan bahawa sudah banyak pihak yang bertanya dan berjumpa. Pada masa sama, isu-isu yang difokuskan dan dikongsi kelompok sasar dan komuniti telah berlangsung untuk sekian bertahun. Dalam usaha untuk mengurangkan kesan negatif keadaan sebegini, pasukan pengkaji secara jujur mendedahkan bahawa pihak APPGM-SDG mengiktiraf had dan ruang lingkup yang ada pada pasukan kajian dan APPGM-SDG sendiri. Pada masa sama, pasukan kajian menjelaskan bahawa sama ada baru atau lama, isu-isu terkini yang dihadapi oleh penduduk tempatan harus didokumentasi dan juga APPGM-SDG merupakan wadah yang dapat menjadi perantara atau penghubung antara komuniti akar umbi dan kerajaan serta pemimpin. Proses dan saluran komunikasi yang ada menjadi kelebihan bagi memastikan bahawasanya pegawai dan institusi kerajaan mengetahui kesusahan dan cabaran hidup masyarakat setempat.

## **2.4 Keterbatasan Kajian**

Kajian ini dibatasi dengan jumlah sesi FGD yang dapat dianjurkan. Pasukan kajian cuma dapat mengumpul dapatan daripada tujuh (7) kelompok sasaran. Satu sesi perbincangan lagi mengambil bentuk temu bual mendalam dan oleh itu tidak dapat membentuk apa yang diperkatakan sebagai kelompok sasar yang sebetulnya. Pasukan kajian hanya bertemu seorang pengusaha pisang salai, dan melawat tempat perusahaan tuan punya peserta tersebut.

Selain itu, dalam tempoh masa 4 hari ketika berada di lapangan, pasukan kajian APPGM-SDG juga tidak dapat untuk bertemu dengan komuniti yang khusus bagi membincangkan isu alam sekitar khususnya berkaitan fenomena banjir. Proses dapatan pasukan kajian dan laporan akan bertambah baik dan rinci lagi sekiranya dapat bertemu atau menjalankan sesi FGD bersama golongan komuniti dan penduduk kampung yang mengalami kerosakan material, dan kerugian ekonomi dan sosial akibat daripada kejadian banjir yang berterusan.

Namun, pihak pejabat Parlimen Sri Gading telah memberi sokongan dan panduan yang baik untuk pasukan kajian memahami kejadian banjir yang merupakan isu kritikal di kawasan Sri Gading. Ini termasuk memberi taklimat dan penerangan berkenaan punca, sifat, proses dan kesan fenomena banjir kepada penduduk setempat dan kawasan-kawasan kampung, serta menunjukkan menerusi kunjungan ke tempat-tempat yang berisiko tinggi dan kerap banjir.

Oleh itu, sekiranya kajian lanjutan dijalankan oleh pihak APPGM-SDG atau mana-mana pihak di kawasan Sri Gading, perkara-perkara ini dapat diambil kira untuk membentuk suatu kerangka kajian dan kemudiannya intervensi yang dapat menangani keperluan ekonomi, sosial, alam sekitar, masyarakat setempat di tingkat mikro, makro dan sosiologi.

### 3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG):

Jadual 4. Rangkuman Isu Rentas SDG

| BIL. | ISU UTAMA                                                                              | PENERANGAN                                                                                                                 | DIMENSI                   | KUMPULAN SASARAN             | KAWASAN SASARAN               | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                       |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------|------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Sistem penyampaian perkhidmatan dan sokongan sosial yang tidak menyeluruh dan berkesan | Ibu tunggal kebanyakannya kurang pendedahan dan pengetahuan tentang program yang ditawarkan dan insentif bantuan kerajaan. | Tadbir Urus<br><br>Sosial | Komuniti ibu tunggal, wanita | Parit Yaani<br><br>Parit Raja | SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh Sasaran 16.7<br><br>SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat Sasaran 17.17 |
| 2.   | Sistem pentadbiran dan pemantauan yang tidak inklusif serta interaktif                 | Sikap pihak berkuasa yang kurang responsif dan sensitif terhadap isu yang dialami oleh penduduk kampung.                   | Tadbir Urus<br><br>Sosial | Komuniti ibu tunggal, wanita | Parit Yaani<br><br>Parit Raja | SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh Sasaran 16.6<br><br>SDG 5: Kesaksamaan Jantina Sasaran 5.c           |
| 3.   | Keperluan untuk pembangunan perniagaan kecil                                           | Tahap kemiskinan yang tinggi menjadi antara faktor yang menyebabkan                                                        | Ekonomi<br><br>Sosial     | Komuniti belia,              | Sri Gading                    | <b>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi</b>                                                                |

| BIL. | ISU UTAMA             | PENERANGAN                                                                                                                                     | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                        | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----------------------------------------|-----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      | dan industri tempatan | berlakunya isu-isu sosial negatif.                                                                                                             |         | Penduduk tempatan                       |                 | <b>Sasaran 8.3</b> - Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. |
|      |                       | Peniaga kompleks dan pasar pagi perlu bersaing dengan pasar raya besar yang semakin banyak dibina di kawasan sekeliling.                       |         | Komuniti Peniaga                        | Parit Raja      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|      |                       | Komuniti pengusaha dan peniaga tempatan perlukan lebih banyak kemahiran dan ilmu pengetahuan, termasuk dalam proses pengeluaran dan pemasaran. |         | Komuniti pengusaha dan peniaga tempatan | Sri Gading      | <b>SDG 1: Tiada Kemiskinan</b><br><br><b>Sasaran 1.b</b> - Membangunkan rangka kerja dasar yang mantap pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa berdasarkan strategi pembangunan yang terarah kepada golongan miskin dan peka gender bagi                                                        |

| BIL. | ISU UTAMA                                                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | DIMENSI               | KUMPULAN SASARAN             | KAWASAN SASARAN           | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|------------------------------|---------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                       |                              |                           | menyokong galakan pelaburan dalam Langkah membasmi kemiskinan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 4.   | Keperluan untuk infrastruktur asas dan kemudahan tempatan yang lebih baik dan lengkap | <p>Terdapat program dan aktiviti belia yang tidak dapat dijalankan walaupun diminati komuniti belia. Ini kerana kekurangan dana dan juga infrastruktur awam. Contohnya seperti keperluan pusat aktiviti e-games.</p> <p>Ketiadaan pengangkutan awam seperti bas awam di kawasan tempatan menghadkan pergerakan penduduk tempatan terutama yang tiada pengangkutan sendiri.</p> | Sosial<br>Tadbir Urus | Komuniti belia               | Sri Gading                | <p><b>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b></p> <p><b>Sasaran 11.2</b> - Menjelang 2030, menyediakan akses kepada system pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanakkanak, orang kurang upaya dan warga emas.</p> <p><b>Sasaran 11.7</b> - Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan</p> |
|      |                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                       | Komuniti ibu tunggal, wanita | Parit Raja<br>Parit Yaani |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

| BIL. | ISU UTAMA                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                      | DIMENSI                                | KUMPULAN SASARAN                                     | KAWASAN SASARAN                      | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|------------------------------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                  | Kewujudan warung-warung di tepi jalan mengakibatkan jalan raya yang asal menjadi semakin kecil dan berlakunya kesesakan lalu lintas.                                                            |                                        | Komuniti Cina                                        | Taman Maju                           | <p>mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanakkanak, warga emas dan orang kurang upaya.</p> <p><b>SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat</b><br/> <b>Sasaran 16.7</b> - Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, menyeluruh, berpenyertaan dan berwakilan pada semua peringkat.</p> |
| 5.   | Fenomena banjir kilat dan banjir yang berterusan | Pengaliran air di dalam saluran parit amat perlahan. Aliran mudah tersekat akibat bentuk muka bumi yang tidak sekata serta banyaknya tumbuhan yang tumbuh di dalam parit seperti bunga teratai. | <p>Alam Sekitar</p> <p>Tadbir Urus</p> | <p>Komuniti ibu tunggal</p> <p>Penduduk setempat</p> | <p>Parit Raja</p> <p>Parit Yaani</p> | <p><b>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan</b></p> <p><b>Sasaran 11.b</b> - Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah</p>                                                                                                   |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN                                                                                                                                                | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN                              | KAWASAN SASARAN                     | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|------|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-----------------------------------------------|-------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           | <p>Limpahan air berlaku disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sesuai.</p> <p>Saluran yang sedia ada tidak dapat menampung isi padu aliran air.</p> |         | <p>Komuniti Cina</p> <p>Penduduk Setempat</p> | <p>Taman Maju</p> <p>Sri Gading</p> | <p>keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030.</p> <p><b>SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat</b><br/> <b>Sasaran 17.17</b> - Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.</p> |

| BIL. | ISU UTAMA | PENERANGAN | DIMENSI | KUMPULAN SASARAN | KAWASAN SASARAN | SDG YANG BERKAITAN                                                                                                                                                        |
|------|-----------|------------|---------|------------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |           |            |         |                  |                 | <b>SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat</b><br><b>Sasaran 16.6</b> - Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat. |

## 4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

### 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

| BIL.                                                                                                                                                                                                                          | ISU                                                        | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Sesi Dialog 1:</b> Dialog bersama Persatuan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM) Sri Gading<br><b>Tarikh:</b> 23 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 20 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                        | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)</li> <li>2. Jabatan Penerangan</li> <li>3. Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                      |
| 1.                                                                                                                                                                                                                            | Akses pengangkutan awam yang terhad bagi pergerakan khusus | Ketiadaan pengangkutan awam seperti bas awam di kawasan petempatan, mengehadkan pergerakan penduduk tempatan terutama yang tiada pengangkutan sendiri.<br>Ia mempengaruhi penduduk yang ingin bergerak untuk tujuan tertentu atau menjalankan kerja, seperti berniaga. | <b>MPBP :</b> Wakil MPBP memberikan maklum balas bahawa akses pengangkutan ada tetapi terhad. Ada dua bas, yang gunakan laluan dikenali sebagai Laluan 1 dan 2.<br>Dalam pengurusan pengangkutan, wujud pertindihan dengan Majlis Daerah Yong Peng untuk kawasan Sri Gading. Wakil pihak ini berpandangan bahawa perlu ada kerjasama antara MPBP, Majlis Daerah Yong Peng, dan Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) untuk menghubungkan Parit Yaani. |
| 2.                                                                                                                                                                                                                            | Fenomena banjir yang berterusan                            | Kejadian banjir merupakan peristiwa yang berulang yang dihadapi penduduk tempatan. Bencana yang                                                                                                                                                                        | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

| BIL. | ISU                                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|------|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                 | berlaku membawa kerugian kepada komuniti kawasan-kawasan kampung. Perkara ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, pengaliran air dalam saliran parit perlahan dan mudah tersekat akibat bentuk muka bumi yang tidak sekata. Selain itu, terdapat banyak tumbuhan yang tumbuh di dalam parit seperti bunga teratai telah menyebabkan aliran air kurang lancar. |                                                                                           |
| 3.   | Cabaran Penjanaaan pendapatan tinggi dalam kalangan ibu tunggal | Kebanyakan ibu tunggal di kawasan Parit Yaani tidak mempunyai pendapatan stabil untuk menampung perbelanjaan harian. Kebanyakan mereka berniaga secara kecil-kecilan seperti mengambil upah menjahit dan menjual kuih-muih.                                                                                                                                           | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 4.   | Pihak berkuasa dan pemimpin yang kurang responsif               | Sikap pihak berkuasa yang kurang responsif dan sensitif terhadap isu yang dialami oleh penduduk kampung.                                                                                                                                                                                                                                                              | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

| BIL. | ISU                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                 | <p>Penduduk mengatakan bahawa apabila berlaku kejadian seperti banjir, maklum balas yang diberikan pemimpin tempatan tidak konstruktif dan ke arah membantu mangsa.</p> <p>Selain itu, penduduk kampung juga menghadapi cabaran dan sukar mendapatkan perhatian dan sokongan pemimpin tempatan jika memerlukan bantuan, dan bantuan kebajikan sosial khususnya.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 5.   | Kurang pengetahuan tentang program-program awam | <p>Ibu tunggal kebanyakannya kurang pendedahan dan pengetahuan tentang program yang ditawarkan dan insentif bantuan kerajaan.</p>                                                                                                                                                                                                                                   | <p><b>Jabatan Penerangan:</b> Wakil Jabatan Penerangan memberi makluman bahawa jabatan menjalankan program-program yang bertujuan untuk sampai kepada penduduk Batu Pahat yang sekitar 500,000 penduduk.</p> <p>Terdapat komuniti MADANI, di mana setiap DUN mempunyai 3 komuniti.</p> <p>Setakat ini, pihak jabatan telah jalankan 5 program, dengan 2 yang skala besar, dan 3 lagi berskala kecil. Program yang bersifat sembang santai, dan dijalankan di rumah. Dalam program ini, agensi luar seperti AADK, JPS, LHDN dan KKM akan hadir. Sebelum ini ada program yang dijalankan di Parit Raja melalui ketua kampung, tetapi di Parit Yaani masih belum ada.</p> |

| BIL. | ISU                                       | PENERANGAN                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                 |
|------|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                           |                                                                                                                                                                               | Setiap DUN juga mempunyai NADI, yang di bawah MCMC. Di Parit Yaani ada satu.                                           |
| 6.   | Kemudahan perubatan yang terhad           | Mengambil masa lama serta jauh. Penduduk perlu menunggu lama untuk mendapatkan rawatan doktor serta menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perubatan kerana lokasi yang jauh. | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                              |
| 7.   | Pengetahuan teknologi digital yang terhad | Golongan ibu tunggal berhadapan kesukaran memahirkan diri menggunakan teknologi digital lalu sukar membuat permohonan bantuan kerajaan melalui atas talian.                   | <b>JKM:</b> Wakil JKM mengatakan bahawa daripada segi permohonan bantuan, tidak ada yang gunakan platform atas talian. |

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 2

| BIL.                                                                                                                                                                                                                     | ISU                                                                                      | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 2:</b> Dialog Bersama Komuniti Penternak Ikan Kolam, Kampung Parit Belemam<br><b>Tarikh:</b> 23 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 3 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                           | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Tiada</i>                            |
| 1.                                                                                                                                                                                                                       | Cabaran pengurusan penternakan ikan seperti kos bulanan                                  | Penternakan ikan secara berskala besar memerlukan kos yang lebih besar yang komuniti tempatan tidak miliki.                                                                                                                                                               | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 2.                                                                                                                                                                                                                       | Kemahiran penternakan ikan yang masih perlu dipertingkatkan dalam kalangan ahli komuniti | Komuniti penternak mempunyai minat dan ingin menceburi bidang penternakan ikan secara aktif tetapi kurang pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan seperti menilai bentuk pemakanan, alam habitat yang sesuai dan teknologi untuk diaplikasikan bagi tujuan penternakan. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 3.                                                                                                                                                                                                                       | Isu kemahiran pemasaran produk perniagaan yang masih lemah dan perlu diasah              | Komuniti yang terlibat memiliki sumber bahan dan kemudahan yang asas sahaja untuk membangunkan tempat penternakan ikan, tetapi tidak mempunyai pengetahuan dan                                                                                                            | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

| BIL. | ISU                                                                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                             | jaringan yang besar tentang pemasaran dan penjualan hasil.                                                                                                                                                                   |                                                                                           |
| 4.   | Ancaman binatang liar seperti gangguan monyet                                               | Disebabkan kawasan penternakan adalah di kampung dan berdekatan kawasan hutan, terdapat binatang liar seperti monyet yang mengacau sistem dan tapak perikanan.                                                               | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 5.   | Komitmen terhadap antara ahli komuniti akibat kekangan masa dan tanggungjawab masing-masing | Ahli-ahli yang terlibat dalam komuniti penternak ikan bukan sahaja menjalankan aktiviti penternakan. Mereka juga mempunyai kerja-kerja yang berlainan. Oleh kerana itu, komitmen yang diberikan bukan bersifat sepenuh masa. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

| BIL.                                                                                                                                                                                                      | ISU                                                  | PENERANGAN                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 3:</b> Dialog Bersama Komuniti Cina, Taman Maju, Sri Gading<br><b>Tarikh:</b> 23 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 7 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                      |                                                                                                                                                      | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)</i>                                                                                     |
| 1.                                                                                                                                                                                                        | Jalan raya yang sempit                               | Kewujudan warung-warung di tepi jalan mengakibatkan jalan raya yang asal menjadi semakin kecil dan berlakunya kesesakan lalu lintas.                 | <b>MPBP:</b> Memberi makluman bahawa pihak mereka ada mengeluarkan notis tepi jalan kepada pihak-pihak yang terlibat. Selain, itu berniaga, juga perlu mendapatkan permit dahulu. |
| 2.                                                                                                                                                                                                        | Banjir kilat                                         | Limpahan air berlaku disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak sesuai kerana saluran yang sedia ada tidak dapat menampung isi padu aliran air.    | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                                                                         |
| 3.                                                                                                                                                                                                        | Kos sara hidup tinggi                                | Penduduk tempatan menyatakan bahawa kos hidup sudah meningkat. Makanan yang dijual di gerai atau penjaja contohnya lebih mahal berbanding masa dulu. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                                                                         |
| 4.                                                                                                                                                                                                        | Ramai belia yang berhijrah ke bandar dan pekan besar | Keadaan ini berlaku akibat peluang pekerjaan yang terhad dan gaji yang tidak tinggi atau setimpal.                                                   | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                                                                         |

| BIL. | ISU                                                                                                                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                       | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                                      | Kebanyakannya berpindah ke tempat-tempat seperti, contohnya, Singapura, Johor Bahru, dan Kuala Lumpur.                                                                                                                                                           |                                                                                                                       |
| 5.   | Kurang pemantauan dan penyelenggaraan pangsapuri di Jalan Tan Swee Hoe oleh pihak berkuasa dan JMB                   | Kelemahan JMB di rumah pangsa dan juga kurang perhatian dan tindakan berkesan oleh pihak berkuasa menyebabkan berlakunya banyak konflik kejiwaan, dan juga pelanggaran peraturan formal dan informal.                                                            | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                             |
| 6.   | Kemudahan padang di Taman Maju yang tidak elok                                                                       | Penduduk tempatan mengatakan bahawa di kawasan perumahan ada padang dan kemudahan awam tetapi tidak diselenggara dengan baik.                                                                                                                                    | <b>MPBP:</b> Memberi maklumat bahawa akan menjalankan tinjauan dan panjangkan apa-apa keperluan untuk penambahbaikan. |
| 7.   | Persaingan peluang pekerjaan antara penduduk tempatan dan pekerja asing akibat peningkatan jumlah tenaga kerja asing | Pergerakan orang tempatan ke tempat lain menyebabkan keperluan untuk pekerja dalam sektor-sektor kurang berpendapatan tinggi. Kekosongan ini diisi oleh kemasukan dan pengambilan orang asing, yang seterusnya menyebabkan jumlah warga asing semakin meningkat. | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                             |

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

| BIL.                                                                                                                                                                                                                                        | ISU                                              | PENERANGAN                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                        |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 4:</b> Dialog Bersama Komuniti Peniaga Pasar Lambak dan Kompleks Niaga Parit Raja, Sri Gading<br><b>Tarikh:</b> 24 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 8 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                                  |                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)</i> |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                          | Pelanggan semakin kurang                         | Peniaga kompleks dan pasar pagi perlu bersaing dengan pasar raya besar yang semakin banyak dibina di kawasan sekeliling. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>     |
| 2.                                                                                                                                                                                                                                          | Golongan muda tidak berminat untuk ke pasar      | Mereka lebih memilih untuk ke pasar raya dan pusat beli belah.                                                           | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>     |
| 3.                                                                                                                                                                                                                                          | Kompleks tidak menyediakan kemudahan yang selesa | Kemudahan yang tidak lengkap dan terbaru menyebabkan pelanggan tidak selesa dan tertarik untuk datang.                   | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>     |
| 4.                                                                                                                                                                                                                                          | Masalah pengurusan premis kedai                  | Penyewa asal menyewakan premis kepada orang luar tanpa kebenaran pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat.                    | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>     |

| BIL. | ISU                                                               | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                           | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|------|-------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5.   | Penyewa premis tidak membuka kedai mengurangkan aktiviti kompleks | Terdapat keadaan di mana majlis telah beri kelulusan kepada individu untuk menyewa premis dan kedai, tetapi premis/kedai berkenaan dibiarkan tutup dan digunakan untuk tujuan lain seperti contohnya menjadi gudang. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 6.   | Pengurusan bahan sisa dan sampah yang terhad                      | Proses pengumpulan dan pembuangan sampah menjadi terbeban kerana ada pihak luar yang juga buang sampah di tapak pembuangan sampah kompleks.                                                                          | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

| BIL.                                                                                                                                                                                                                                      | ISU                                                                                                                | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 5:</b> Sesi Temu Bual Mendalam bersama Keluarga Pengusaha Peniaga Pisang Salai Parit Raja<br><b>Tarikh:</b> 24 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 3 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan Temu Bual Mendalam |                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Tiada</i>                            |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                        | Tiada waris untuk menurunkan ilmu membuat pisang salai                                                             | Pengusaha menyatakan bahawa tidak ramai yang berkecimpung lagi dalam perusahaan ini. Ketika ini, hanya ada 2 ke 3 orang sahaja di kampung ini yang menjalankan perusahaan pisang salai. Golongan muda tidak minat untuk terlibat atau meneruskan aktiviti ini. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 2.                                                                                                                                                                                                                                        | Memerlukan tempat pengasapan pisang salai yang baharu                                                              | Pengusaha menyatakan ketuhar api besar yang digunakan tidak pernah berubah, dan menggunakan yang sama sejak memulakan operasi.                                                                                                                                 | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 3.                                                                                                                                                                                                                                        | Tidak cukup tenaga pekerja kerana hanya suami dan isteri melakukan kerja-kerja menjalankan perusahaan pisang salai | Kekurangan minat daripada golongan muda, dan kemudahan serta sumber asas yang dapat meningkatkan skala operasi menyebabkan tenaga kerja yang diperlukan tidak memadai.                                                                                         | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

| BIL. | ISU                                                               | PENERANGAN                                                                                                                                             | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|------|-------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.   | Kadang kala stok pisang tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan | Bahan asas yang digunakan seperti pisang tidak memiliki penawaran pembekalan yang konsisten. Bekalan stok kadang tinggi, manakala ada waktunya rendah. | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

| BIL.                                                                                                                                                                                          | ISU                                           | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                            | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 6:</b> Dialog Bersama AADK dan Belia Sri Gading<br><b>Tarikh:</b> 24 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 9 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan |                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                       | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. AADK Batu Pahat<br>2. Pejabat Belia dan Sukan<br>3. Jabatan Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 1.                                                                                                                                                                                            | Keadaan kemiskinan penduduk tempatan          | Tahap kemiskinan yang tinggi menjadi antara faktor yang menyebabkan berlakunya isu-isu sosial negatif dalam kalangan belia.                                                                                                                                           | <b>AADK:</b> Berpandangan bahawa terdapat isu yang dapat diselesaikan di peringkat daerah. Dan ada isu lain yang tidak diselesaikan di peringkat ini kerana pihak berkuasa di sini merupakan pelaksana sahaja.                                                                                                                                                                                                                     |
| 2.                                                                                                                                                                                            | Penyisihan sosial dan perilaku anti-sosial    | Selain keadaan kemiskinan yang membawa kepada penyisihan sosial, ia juga menyebabkan berlakunya isu penagihan dadah dalam kalangan belia Batu Pahat.                                                                                                                  | <b>AADK:</b> menyatakan bahawa kebanyakan mereka yang terlibat dalam kes dadah, dan juga ketum, adalah mereka yang daripada keluarga yang tidak berkemampuan. Pengalaman AADK sendiri memperlihatkan bahawa kemiskinan ini dapat dilihat apabila melawat rumah-rumah mereka yang terlibat dengan kes dadah.                                                                                                                        |
| 3.                                                                                                                                                                                            | Kesukaran untuk mendapatkan penglibatan belia | Persatuan dan kumpulan-kumpulan belia tempatan menghadapi cabaran dalam menarik komuniti belia untuk terlibat dalam aktiviti sosial. Mereka melihat aktiviti sebegini tidak menarik dan tidak mempunyai minat tinggi untuk menyertai program-program yang dijalankan. | <b>AADK:</b> menyatakan bahawa golongan belia suka program yang terkini dan baru, dan bukan yang bersifat tradisional. Jaringan internet adalah penting, dan ketiadaan liputan internet menjadi satu cabaran untuk tarik minat golongan belia.<br><b>Jabatan Penerangan:</b> Memberikan maklum balas bahawa sukar untuk dapatkan belia bagi aktiviti atau program belia, kerana mereka tidak ingin datang. Kebanyakan program juga |

| BIL. | ISU                                                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|---------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | dibuat pada waktu malam, kerana siang tidak datang. Antara program yang dibuat seperti kursus kenegaraan.                                                                                                                                                                                                                          |
| 4.   | Kekangan kos dan kemudahan                                                      | Terdapat program dan aktiviti belia yang tidak dapat dijalankan walaupun diminati komuniti belia kerana kekurangan dana dan juga infrastruktur awam. Contohnya seperti aktiviti <i>e-games</i> .                                                                                                                                                               | * <i>Rujuk juga maklum balas di isu/poin 5 di bawah.</i>                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 5.   | Keperluan aktiviti atau kempen untuk sesuai dengan gaya dan minat golongan muda | Terdapat aktiviti dan kempen seperti kempen kesedaran yang dijalankan yang tidak mendapat sambutan komuniti belia dan orang muda. Ini kerana cara lama dan juga tidak kreatif yang digunakan yang tidak seiring dengan arus perkembangan teknologi dan medium komunikasi terkini. Akibatnya, program-program ini tidak mendapat minat dan sambutan orang muda. | <p><b>Pejabat Belia dan Sukan:</b> Menyatakan bahawa bagi pihak KBS, banyak program yang telah dianjurkan. Tetapi, program-program ini kurang mendapat sambutan.</p> <p>Golongan belia kebanyakannya meminati aktiviti <i>gaming</i>. Dana juga wujud untuk menyokong golongan belia dan aktiviti belia, tetapi adalah terhad.</p> |

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

| BIL.                                                                                                                                                                                                                | ISU                                  | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 7:</b> Dialog Bersama PDK Parit Yaani dan PDK Parit Raja<br><b>Tarikh:</b> 25 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 19 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan berkelompok dalam 2 kumpulan |                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)</i> |
| 1.                                                                                                                                                                                                                  | Tenaga pengajar yang tidak mencukupi | Tenaga pekerja yang sedia ada terdiri daripada petugas dan malahan termasuk penyelia sekali di pusat PDK sekadar cukup sahaja untuk memberi khidmat kepada pelatih yang ada. PDK tidak dapat menampung dan menerima individu lain yang memerlukan khidmat sosial di PDK-PDK ini kerana kekurangan sumber tenaga manusia. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>   |
| 2.                                                                                                                                                                                                                  | Kebajikan pekerja PDK tidak terjaga  | Pekerja PDK tidak memiliki sokongan kewangan atau perkhidmatan, dan juga jaminan perlindungan sosial. Contohnya, tiada pampasan jika berlaku kecederaan di pusat jagaan. Dan elaun yang ada tidak dapat menampung hidup pengajar sekiranya keadaan seumpamanya berlaku.                                                  | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>   |

| BIL. | ISU                                                                         | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|-----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3.   | Peruntukan geran daripada JKM tidak mencukupi                               | Aktiviti perlu dijalankan namun pengajar, ibu bapa dan AJK perlu menggunakan duit masing-masing untuk menjalankan aktiviti-aktiviti PDK. Peruntukan yang sedia ada diberikan tidak mencukupi untuk menampung semua keperluan.                                                              | <b>JKM:</b> memberi maklum balas bahawa dana yang ada dan diberi kerajaan adalah terhad. Pada masa sama, PDK kini telah menjadi pertubuhan.<br>Wakil JKM menyatakan bahawa kerajaan negeri juga memberi dana sokongan sejumlah RM200 sebulan kepada PDK. |
| 4.   | Sijil kemahiran tidak menjamin kenaikan gaji                                | Pihak PDK menyatakan bahawa ada keperluan dan juga minat daripada kakitangan PDK untuk meningkatkan kemahiran dengan mengikuti kursus-kursus. Mereka juga digalakkan oleh pihak berkuasa untuk berbuat demikian. Namun, pemilikan kemahiran ini tidak menjamin kenaikan gaji/elaun di PDK. | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                                                                                                                                                |
| 5.   | Pengajar perlu menggunakan wang masing-masing untuk menyertai kursus-kursus | Kakitangan PDK digalakkan untuk menjalankan kursus dan bengkel kemahiran tetapi tiada sokongan dana atau bantuan untuk penyertaan ini. Inisiatif ini perlu ditanggung oleh pekerja atau petugas itu sendiri.                                                                               | <b>JKM:</b> Menyatakan bahawa PDK boleh membuat permohonan dana untuk program atau pembangunan kapasiti. Pada tahun 2025, sebanyak 5 ke 6 program telah dijalankan, dan wakil mengajukan supaya PDK sini boleh juga memohon.                             |

| BIL. | ISU                                             | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                   | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                                                                     |
|------|-------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.   | Tiada tapak kekal untuk bangunan PDK Parit Raja | PDK Parit Raja tidak memiliki bangunan dan tapak yang tersendiri. PDK ini kini menggunakan ruang pejabat daerah, dan premis asal PDK Parit Raja ini juga menghadapi kerumitan untuk proses baik pulih atau penambahbaikan kerana menggunakan ruang dan tapak pejabat daerah. | <b>JKM:</b> Memberikan penjelasan bahawasanya PDK pada kebiasaannya mempunyai bangunan sendiri. Di pihak Jabatan, tidak ada garis panduan khusus untuk pemilikan bangunan. |
| 7.   | Lebih dana tahunan dibekukan                    | Pekerja PDK tidak mempunyai kuasa atau mekanisme untuk menggunakan wang yang berlebihan dan tersimpan bagi aktiviti yang lain walaupun sudah kekurangan peruntukan untuk melaksanakan aktiviti yang berterusan.                                                              | <b>JKM:</b> Selepas 2017 PDK telah menjadi pertubuhan. Akaun baru digunakan, dan ada apa dana yang berbaki perlu dipulangkan dan kembalikan kepada kerajaan.               |

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

| BIL.                                                                                                                                                                                           | ISU                                                                          | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                    | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                                                       |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>FGD/Sesi Dialog 8:</b> Dialog Bersama FELCRA Sri Wangi<br><b>Tarikh:</b> 25 Februari 2025<br><b>Bilangan peserta:</b> 17 orang<br><b>Kaedah FGD:</b> Perbincangan dalam 1 kumpulan/Townhall |                                                                              |                                                                                                                                                                                                               | <b>Agensi yang memberikan maklum balas:</b><br>1. <i>Jabatan Penerangan</i>                                                  |
| 1.                                                                                                                                                                                             | Kekangan daripada segi teknologi                                             | Capaian Internet yang sangat perlahan di kawasan FELCRA. Pekerja yang berumur kurang mahir dalam menggunakan sistem atas talian.                                                                              | <b>Jabatan Penerangan:</b> Mengambil maklum keperluan ini, dan akan ke kawasan berkenaan untuk membuat tinjauan dan semakan. |
| 2.                                                                                                                                                                                             | Stok ubat-ubatan mahal dan terhad di Klinik Parit Yaani.                     | Penduduk kawasan FELCRA tidak mempunyai akses kepada ubat-ubat dan nutrisi tambahan yang dapat memelihara kesihatan warga penduduk.                                                                           | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                    |
| 3.                                                                                                                                                                                             | Peniaga kecil terbeban dengan Jualan Rahmah yang diperkenalkan oleh kerajaan | Peniaga kecil dan tempatan tidak mampu menjual barangan dengan harga yang rendah seperti Jualan Rahmah kerana perlu menanggung kos operasi yang lain. Ini menyebabkan peniaga tidak dapat menjana pendapatan. | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                    |
| 4.                                                                                                                                                                                             | Ancaman binatang liar                                                        | Terdapat binatang di kawasan sekeliling seperti monyet dan kera                                                                                                                                               | * <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>                                    |

| BIL. | ISU                                                                                                              | PENERANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | ULASAN AGENSI KERAJAAN                                                                    |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                                  | yang mencuri hasil tani masyarakat FELCRA.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                           |
| 5.   | Permohonan untuk mendaftarkan persatuan belia di bawah KBS masih belum diluluskan                                | Komuniti belia mengatakan bahawa mereka tidak mendapat apa maklum balas daripada permohonan mereka kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk meluluskan pendaftaran persatuan mereka. Ini menyukarkan usaha untuk mendapat sokongan dana. Oleh kerana itu, mereka hanya bergantung kepada FELCRA Wilayah untuk peruntukkan bagi menjalankan aktiviti belia. | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |
| 6.   | Tidak mempunyai dana untuk menambahbaik masjid di FELCRA Sri Wangi supaya lebih lengkap daripada segi kemudahan. | Penduduk FELCRA Sri Wangi mengatakan hasrat supaya masjid sedia ada dapat ditambahbaik daripada segi kemudahan dan kelengkapan. Ini kerana kelengkapan di masjid sedia ada sudah berumur dan tidak sepadan dengan keperluan dan tahap kemudahan semasa.                                                                                                          | <i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> |

## 4.2 Pengutamaan Isu

### 4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Penciptaan Ekonomi Sosial Golongan Wanita dan Punca Pendapatan yang Mampan

Antara kumpulan rentan yang utama di Parlimen Sri Gading adalah golongan wanita dan ibu tunggal. Mereka menghadapi pelbagai cabaran yang merangkumi kesenjangan ekonomi, peminggiran sosial atau social exclusion, dan permasalahan ekologi-sosial. Cabaran-cabaran ini merentasi dimensi-dimensi yang berbeza, termasuk ekonomi, sosial, alam sekitar, dan tadbir urus. Tambahan itu, konteks sosial dan demografi golongan ini, yang mana mereka terdiri daripada warga emas, mempunyai keperluan kesihatan yang runcing, dan memikul tanggungjawab berat untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan ahli dan institusi keluarga, memperberat lagi ukuran dan kadar masalah yang dihadapi oleh mereka.

- **Kekurangan Akses kepada Peluang Penjanaan Pendapatan dan Pekerjaan yang Baik**

Golongan wanita dan ibu tunggal di Parlimen Sri Gading, khususnya di kawasan-kawasan Parit Yaani dan Parit Raja umumnya tidak mempunyai pekerjaan yang berkontrak atau tetap. Bagi menjana pendapatan, mereka berkecimpung dalam aktiviti jual niaga kecil-kecilan, dan bekerja upah. Sifat pekerjaan sebegini menyebabkan dua kesan. Yang pertamanya, golongan ini tidak dapat menjana jumlah pendapatan yang seiring dengan konsep gaji bermartabat atau living wage.<sup>8</sup> Dan yang keduanya, golongan ini tidak mempunyai sumber atau gaji pendapatan yang konsisten atau tetap. Sebaliknya, pendapatan yang diperolehi adalah bergantung kepada operasi dan permintaan, dan turun naik mengikut hari. Kesan daripada keadaan sosial begini, mereka tidak mempunyai keupayaan untuk menampung perbelanjaan dan keperluan harian diri dan keluarga. Sebagai langkah intervensi, program yang berbentuk penjanaan pendapatan dapat menyediakan satu sumber pendapatan yang alternatif, dan minimakan beban kos kehidupan yang tidak menentu.

---

<sup>8</sup> Sila rujuk Eilyn Chong dan Farina Adam Khong, The Living Wage: Beyond Making Ends Meet, Monetary Policy Department, March 2018, Central Bank of Malaysia

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

|                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>           | Kekurangan akses kepada peluang penjanaaan pendapatan dan pekerjaan yang baik                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Cadangan</b>                                    | Program perusahaan sosial                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                           | Golongan wanita dan ibu tunggal                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>Kawasan</b>                                     | Parit Yaani<br>Parit Raja                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                          | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi | <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.</p> <p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai tingkat guna tenaga penuh dan produktif untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.</p> |
| SDG 1: Tiada Kemiskinan                            | Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro.                                                                                                                                                      |

#### **4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Pemberdayaan Komuniti Setempat dalam Kegiatan Ekonomi Pertanian dan Penternakan**

Kegiatan ekonomi yang banyak dijalankan di Parlimen Sri Gading selain perusahaan dan perniagaan kecil adalah kegiatan pertanian dan penternakan. Terdapat kelompok atau kelas sosial seperti pekebun, petani dan penternak. Golongan ini menjalankan penanaman buah-buahan, tanaman kontan sama ada secara persendirian atau skala kecil, serta penternakan haiwan dan ikan. Aktiviti pertanian dan penternakan ini dijalankan di kawasan kampung antara penduduk tempatan. Salah satu kelompok sasar yang dikaji selidik oleh pasukan kajian adalah komuniti penternak ikan kolam, yang mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada penduduk di sekitar kawasan Kampung Parit Belemam. Kegiatan penternakan ikan ini penting bagi mereka kerana ia merupakan salah satu sumber mata pencarian bagi komuniti terlibat. Ahli-ahli yang mengambil bahagian umumnya daripada golongan yang sudah tidak bekerja atau memiliki sumber pendapatan yang tetap. Sisi ekonomi ini jika diberi fokus dan cabarannya ditangani akan menyumbang kepada pembentukan komuniti setempat yang berdaya tahan dan maju daripada segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan hidup.

- **Keperluan Pembangunan Kemahiran dan Kepakaran Kelompok Penternak Ikan Kolam**

Komuniti penternak ikan kolam di kawasan Parit Belemam ini mempunyai kemahuan dan usaha, dan juga kemudahan yang asas bagi menjalankan aktiviti penternakan ikan. Meskipun demikian, mereka tidak memiliki kemahiran yang lebih maju atau canggih untuk menjalankan aktiviti penternakan pada skala munasabah dengan kitaran pulangan perbelanjaan dan pendapatan yang baik atau besar. Kemahiran atau ilmu yang diperlukan termasuk kemahiran pengurusan dan kewangan, ilmu pengeluaran dan pemasaran, kemahiran pengiklanan dan pembinaan jaringan, dan penggunaan teknologi. Tanpa perkembangan dalam pendekatan dan operasi aktiviti penternakan, usaha komuniti akan kekal terputus daripada pembangunan arus perdana.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

|                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|----------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>           | Keperluan pembangunan kemahiran dan kepakaran kelompok penternak ikan kolam                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| <b>Cadangan</b>                                    | Program pemberdayaan ekonomi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                           | Komuniti penternak ikan, penduduk tempatan/kampung                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>Kawasan</b>                                     | Kampung Parit Belemam<br>Parit Yaani                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                          | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi | Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.                                                                                                           |
| SDG 2: Sifar Kebuluran                             | Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluaran makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. |

#### **4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kerentanan Ekonomi Sosial Pengusaha Mandiri berasaskan Ekonomi dan Warisan Tempatan**

Selain kumpulan rentan golongan wanita dan ibu tunggal, satu lagi kumpulan rentan di Parlimen Sri Gading adalah pengusaha tempatan yang berskala kecil yang mempromosikan warisan ekonomi dan kearifan tempatan (local knowledge and economic heritage). Di samping cabaran kerentanan yang dihadapi, kelompok ini juga berdepan dengan cabaran lebih besar yang bersifat lebih makro, dan di luar pilihan dan kawalan mereka. Cabaran-cabaran ini terdiri daripada; kedudukan kawasan Sri Gading di luar jangkauan pertumbuhan ekonomi arus perdana, penegasan kepada sektor-sektor ekonomi selain daripada keusahawanan sosial tempatan, dan sifat atau konteks demografi menua di kawasan Sri Gading khususnya kebajikan golongan warga lanjut umur atau emas.

- **Kekurangan Sokongan Pembangunan dan Tenaga Pengusaha Baru untuk Pengusaha Pisang Salai Sri Gading**

Lanjutan daripada perbincangan di atas tentang kurangnya penegasan terhadap keusahawanan sosial, dan kerentanan kumpulan sasar pengusaha tempatan, salah satu contoh kelompok yang terkesan adalah pengusaha pisang salai tempatan. Pengusaha pisang salai yang sedia ada menjalankan aktiviti perusahaan yang berskala kecil. Pengeluaran dan penjualan kelompok ini tidak tetap, dan bergantung secara harian dan bulanan, dipengaruhi bekalan stok, tempahan yang ada, dan juga pengunjung yang datang dari luar negeri. Jumlah pengusaha yang aktif juga semakin menurun, dengan sebilangan individu dari beberapa kampung yang terlibat sahaja.

Disebabkan sifat pengeluaran yang berbentuk tidak konsisten, berskala kecil dan sara diri, sokongan pembangunan dan ekonomi yang lebih tersasar dan berstruktur diperlukan. Ia merangkumi seperti kemahiran operasi dan pengetahuan pemasaran dan penjualan. Oleh kerana golongan belia dan muda tidak lagi berminat dengan perusahaan dan ekonomi tempatan, dan lebih tertarik untuk mencari peluang pekerjaan di bandar-bandar besar, latihan dan promosi juga diperlukan untuk membentuk pengusaha baru dan muda sebagai pelapis. Dan ini tentunya perlu didorong oleh insentif dan latihan pembangunan kemahiran. Program intervensi pembangunan adalah mustahak agar kesejahteraan hidup dan taraf sosio-ekonomi penduduk tempatan meningkat.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

|                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>           | Kekurangan Sokongan Pembangunan dan Tenaga Pengusaha Baru untuk Pengusaha Pisang Salai Sri Gading                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Cadangan</b>                                    | Program latihan kemahiran pengusaha dan pelapis muda                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Kumpulan Terjejas</b>                           | Komuniti pengusaha pisang salai, penduduk tempatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Kawasan</b>                                     | Parit Yaani<br>Sri Gading                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>SDG yang berkaitan</b>                          | <b>Sasaran SDG Berkaitan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi | Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.<br><br>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan. |
| SDG 11: Bandar dan komuniti mampan                 | Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha melindungi serta memelihara warisan asli dan budaya dunia.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| SDG 2: Sifar Kebuluran                             | Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan,        |

## 5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

|                       | PROJEK 1                                                                                                                                                                                        | PROJEK 2                                                                                                                                                                               | PROJEK 3                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tajuk Projek</b>   | Dari Desa ke Pasaran: Latihan Asas Perniagaan Komuniti Berpendapatan Rendah                                                                                                                     | Projek Penternakan Ikan Tilapia                                                                                                                                                        | Rural Radiance: Empowering Women through Modern Grooming & Creative Beauty Arts                                                                                                                                                                                              |
| <b>SDG Berkaitan</b>  | SDG 1, SDG 8, SDG 9, SDG 17                                                                                                                                                                     | SDG 1, SDG 2, SDG 14                                                                                                                                                                   | SDG 5, SDG 8, SDG 10                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Objektif</b>       | 1. Membangunkan pengetahuan<br>2. Membina kemahiran sistematik                                                                                                                                  | Matlamat utama projek ini ialah untuk memperkasakan ekonomi komuniti, mengurangkan kadar kemiskinan dan menyumbang kepada sekuriti makanan negara secara lestari.                      | Tujuan projek ini adalah untuk memupuk keyakinan diri, penjagaan diri dan sebagai wadah untuk peluang penjana pendapatan yang berasaskan di rumah. Ia juga bertujuan untuk menangani jurang kemahiran, ketaksamaan gender, dan kebergantungan ekonomi dalam kalangan wanita. |
| <b>Hasil Jangkaan</b> | Projek latihan asas keusahawanan ini dijangka memberi impak besar kepada komuniti luar bandar dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam bidang perniagaan, sekali gus membuka | Program ini dijangka memberi impak positif jangka panjang kepada komuniti setempat dengan mewujudkan peluang ekonomi baharu dan meningkatkan sekuriti makanan tempatan. Peserta projek | Projek ini dijangka memberi impak dengan menyediakan 10 wanita di kawasan desa dengan kemahiran kecantikan kreatif dan penjagaan sendiri yang dapat dijadikan sebagai sumber penjana pendapatan                                                                              |

|                   | PROJEK 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | PROJEK 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | PROJEK 3                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                   | peluang menjana pendapatan tambahan untuk keluarga.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | akan memperoleh kemahiran dalam bidang akuakultur dan keusahawanan, sekali gus menggalakkan penglibatan aktif dalam ekonomi tempatan.                                                                                                                                                                                                                                                                                  | melalui pemberian perkhidmatan, model keusahawanan berasaskan rumah dan penyertaan dalam majlis-majlis kerja tempatan. Projek ini juga sediakan kit permulaan dan amalan langsung (hands on) yang menyediakan peserta untuk terus melaksanakan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi.                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>Organisasi</b> | Swidweb Solutions                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Mutiara Faisal Enterprise                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Aura Skill Academy                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <b>Aktiviti</b>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalan kepada keusahawanan</li> <li>2. Penjanaan idea perniagaan kreatif</li> <li>3. Penyediaan rangka pelan perniagaan</li> <li>4. Pengenalan kepada pendaftaran dan undang-undang perniagaan</li> <li>5. Asas harta intelek dan perlindungan produk</li> <li>6. Latihan pengurusan kewangan asas</li> <li>7. Asas penjenamaan dan pemasaran</li> <li>8. Latihan simulasi perniagaan</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Taklimat projek dan pemilihan peserta</li> <li>2. Bengkel latihan asas penternakan ikan tilapia</li> <li>3. Penyediaan tapak dan pembinaan kolam konkrit</li> <li>4. Pemasangan sistem air</li> <li>5. Latihan biosekuriti dan penjagaan harian ikan</li> <li>6. Pengisian air dan stabilisasi kualiti air</li> <li>7. Pembelian dan pelepasan benih ikan tilapia</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilihan dan pendaftaran peserta</li> <li>2. Pengenalan kepada pembersihan dan penjagaan sendiri</li> <li>3. Solekan harian: peralatan, aplikasi asas dan penyediaan kulit</li> <li>4. Teknik solekan mata dan bibir</li> <li>5. Asas-asas seni iras wajah</li> <li>6. Perhiasan iras wajah untuk kanak-kanak dan percubaan acara solekan</li> <li>7. Asas-asas seni mehendi</li> <li>8. Gaya mehendi moden</li> <li>9. Pengenalan kepada solekan baru</li> </ol> |

|                    | PROJEK 1                                                                                                                                                                               | PROJEK 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | PROJEK 3                                                                                                                                                          |
|--------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                    | 9. Latihan pitching dan komunikasi perniagaan<br>10. Pembinaan rangkaian<br>11. Penggunaan media sosial dan digitalisasi perniagaan<br>12. Refleksi diri dan pelan tindakan masa depan | 8. Pemeriksaan kesihatan ikna dan rawatan awal<br>9. Pemantauan pertumbuhan ikan dan kualiti air<br>10. Aktiviti pembajaan air dan pengawalan parasit<br>11. Bengkel pemasaran dan penjenamaan<br>12. Penilaian pertengahan<br>13. Penilaian pertumbuhan ikan dan unjuran hasil tuaian<br>14. Aktiviti tuaian dan jualan ikan<br>15. Bengkel penulisan laporan, perkongsian impak<br>16. Perancangan kesinambungan | 10. Pemasaran digital dan literasi kewangan<br>11. Pembangunan portfolio, sesi perkhidmatan percubaan dan penyediaan<br>12. Majlis perkongsian komuniti dan sijil |
| <b>Jumlah (RM)</b> | RM 40,000                                                                                                                                                                              | RM 40,000                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | RM 40,000                                                                                                                                                         |
| <b>Lokasi</b>      | Parit Raja                                                                                                                                                                             | Kampung Parit Baru                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Parit Raja, Parit Yaani                                                                                                                                           |
| <b>Tempoh</b>      | 3 Bulan                                                                                                                                                                                | 3 Bulan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 3 Bulan                                                                                                                                                           |

## **6.0 RUJUKAN**

"Banjir paling teruk sejak 15 tahun." *Utusan Malaysia*, 17 September 2022.

"GE15 Results." The Star Online.

Jabatan Perangkaan Malaysia. "P.149 Sri Gading Johor, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN," 2022.

*Ringkasan Eksekutif, Draf Rancangan Tempatan Daerah, Pontian-Batu Pahat 2030.*

"15th General Election Malaysia." The Oriental Daily.



## **APPGM-SDG**

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



### **Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>